



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM MALAYSIA KE-12

NUR SHAFIQA BINTI SHAFEE



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan politik kerajaan negeri Selangor dengan kerajaan persekutuan selepas Pakatan Rakyat memenangi Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12 di negeri Selangor semenjak tahun 2008. Kajian juga menilai isu yang mempengaruhi hubungan antara kerajaan serta implikasi hubungan politik antara kerajaan terhadap rakyat negeri Selangor. Kaedah kualitatif dilakukan dengan pemilihan responden kajian dijalankan secara persampelan bola salji terhadap rakyat yang menetap di negeri Selangor. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual semi struktur terhadap ahli politik, ahli akademik dan rakyat di negeri Selangor. Analisis temu bual disokong dengan rakaman video wawancara mengikut kriteria yang memenuhi keperluan bagi mencapai objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan hubungan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri tidak memenuhi ciri keseluruhan konsep federalisme. Terdapat kenyataan bercanggah antara wakil kerajaan persekutuan dengan wakil kerajaan negeri Selangor yang melibatkan isu air, isu kecurian pasir serta isu pelantikan Ketua Setiausaha Negeri Selangor. Faktor mendorong ketegangan adalah disebabkan perbezaan aliran politik dan kelemahan sistem federalisme di Malaysia. Dapatkan kajian juga menunjukkan hubungan tidak harmoni antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri Selangor terbahagi kepada dua iaitu implikasi positif dan implikasi negatif. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan toleransi antara pemimpin adalah kunci utama keutuhan amalan sistem federalisme di Malaysia. Implikasi kajian menunjukkan kesepakatan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri dapat mencegah pertikaian antara kerajaan dan meningkatkan keberkesanan urus tadbir negara.



05

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil ShahPerpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



CENTRAL GOVERNMENT AND THE STATE GOVERNMENT OF SELANGOR RELATIONS AFTER THE 12TH MALAYSIA GENERAL ELECTION

ABSTRACT

This research paper aims to examine the political relation between the Selangor government and the federal government after the victory of Pakatan Rakyat in the 12th state general election. This research also intends to investigate the issue that influenced the relation between governments and the implication of it towards the people in Selangor. The qualitative method is chosen in this study. The selection of respondents is made through snowball sampling among those who lived in Selangor. The data is collected through semi-structured interview with politicians, academicians and people in Selangor. The analysis of the dialogue is supported by the video of the interview which fulfilled the research objectives. The findings of this research show that the relationship in between the governments does not match with the concept of federalism. These are shown in the contradicting statements between representatives of the federal government with representatives of the state government regarding the water issue in Selangor, sand theft issue and the issue of the appointment of General Secretary in the State of Selangor.

05 The factors that lead to this forked relationship are the differentiation of political understanding and the feebleness of federalism system in Malaysia. The findings also show the implications of this frailty relationship between federal government and state government towards the people. These implications can be divided into two parts; negative implications and positive implications. The conclusions from the study indicate the tolerance between leaders is the key to the integrity of federalism practice in Malaysia. The implications of this research exemplify that the union between the federal and state governments would end disputes between governments and enhance the national governance efficiency.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAN PENYERAHAN TESIS/DISETASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kerangka Konsep	9
1.8 Kepentingan Kajian	19
1.9 Definisi Operasional	21





1.10 Organisasi Bab	22
1.11 Rumusan	23

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	24
2.2 Hubungan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri	25
2.3 Isu-isu Berbangkit dan Perlembagaan Persekutuan	33
2.4 Rumusan	39

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	40
3.2 Reka Bentuk Kajian	41
3.3 Prosedur Pengumpulan Data	43
3.4 Lokasi Kajian	45
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	46
3.5.1 Temu Bual	47
3.5.2 Akses Temu Bual	47
3.5.3 Dokumen	48
3.5.4 Internet	49
3.6 Kaedah Mengurus Data	49
3.7 Kaedah Menganalisis Data	50
3.7.1 Penyaringan Data (<i>Data Reduction</i>)	51
3.7.2 Persembahan Data (<i>Data Display</i>)	51
3.7.3 Penulisan Kesimpulan	52





3.8	Pertimbangan Beretika	52
3.9	Rumusan	54

BAB 4 LATAR BELAKANG POLITIK NEGERI SELANGOR

4.1	Pengenalan	55
4.2	Latar Belakang Negeri Selangor	56
4.3	Latar Belakang Politik Negeri Selangor (Pemerintahan Awal)	57
4.3.1	Pengasasan Kesultanan Selangor	59
4.3.2	Politik Selangor Pada Zaman Penjajahan	60
4.3.3	Politik Selangor Selepas Kemerdekaan	63
4.4	Perkembangan Parti Pembangkang (Berbeza Aliran Politik dengan Parti Pemerintah Kerajaan Persekutuan) Di Selangor	65
4.5	Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 Negeri Selangor	67
4.5.1	Keputusan Pilihan Raya Umum 2008: Negeri Selangor	71
4.6	Pengundian PRU-12 di Selangor	82
4.7	Rumusan	87

BAB 5 HUBUNGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI: PENGALAMAN SELANGOR SELEPAS PRU-12

5.1	Pengenalan	88
5.2	Hubungan Kerajaan Pusat-Selangor Selepas PRU-12	89
5.2.1	Masalah Air Selangor	91
5.2.2	Polemik Pelantikan Ketua Setiausaha Negeri Selangor	102
5.2.3	Isu Pasir Selangor	110
5.3	Faktor Ketegangan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor	118





5.3.1	Perbezaan Aliran Politik	119
5.3.2	Kelemahan Sistem Federalisme di Malaysia	127
5.4	Rumusan	132

BAB 6 IMPLIKASI HUBUNGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAN NEGERI SELANGOR

6.1	Pengenalan	133
6.2	Implikasi Hubungan Dingin antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor	134
6.2.1	Implikasi Negatif Persaingan antara Kerajaan	136
6.2.2	Implikasi Positif Persaingan antara Kerajaan	149
6.3	Reaksi Rakyat Negeri Selangor	158



BAB 7 KESIMPULAN

7.1	Pengenalan	166
7.2	Rumusan Kajian	166
7.3	Dapatan Kajian	168
7.3.1	Hubungan kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri Selangor selepas kemenangan parti pembangkang dalam PRU-12	169
7.3.2	Faktor ketegangan dalam hubungan kerajaan persekutuan dengan negeri Selangor selepas PRU-12	172
7.3.3	Implikasi perselisihan antara kerajaan persekutuan dengan Kerajaan negeri terhadap rakyat negeri Selangor selepas PRU-12	173
7.4	Penyelesaian Ketegangan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri	174





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xi

7.4.1 Fungsi Perlembagaan Persekutuan Terhadap Penyelesaian Pertikaian Antara Kerajaan Pusat dan Negeri	174
7.4.2 Peranan Pemimpin	178
7.5 Sumbangan Kajian	180
7.6 Cadangan Kajian Lanjutan	181
7.7 Penutup	182
RUJUKAN	184
LAMPIRAN	



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat	
4.1	Senarai Nama dan Tahun Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor	59
4.2	Kerusi Parlimen yang dimenangi Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Umum 2004 dan 2008	68
4.3	Kerusi Dewan Undangan Negeri yang dimenangi Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Umum 2004 dan 2008	69
4.4	Keputusan kerusi Dun dalam Pilihan Raya Umum	72
4.5	Keputusan PRU-12 Negeri Selangor	73
4.6	Kerusi Parlimen yang dimenangi oleh Parti-Parti Politik Di Selangor	75
4.7	Kerusi DUN yang dimenangi oleh Parti-Parti Politik Di Selangor	77
4.8	Undi Rosak Peringkat Dun Mengikut Negeri Dalam PRU-12	87
5.1	Kronologi Perjanjian Penstrukturkan Semula Air	101
5.2	Artikel 1 dan 5 Perjanjian Penubuhan Perjawatan Malaya	103
5.3	Kronologi ringkas pelantian SUK Selangor	106
6.1	Perlaksanaan MES oleh Kerajaan Pakatan Rakyat yang Telah Berjaya Dilaksana	154
6.2	Kedudukan Kewangan Selangor 2005-2011	157
6.3	Perbezaan Pencapaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor	165





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat	
3.1	Aliran Kajian Pengkaji	45
4.1	Pengundi di Selangor Mengikut Kaum, 2008	71
4.2	Keputusan Kerusi Parlimen dan Dun Negeri Selangor PRU-12	74
4.3	Kedudukan Kerusi Parlimen dan DUN Selangor	76
5.1	Pertukaran dokumen MOU antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor	100
5.2	Isu Pelantikan SUK Baru	109
5.3	Lokasi Kecutian Pasir di Selangor	133
6.1	Banjir di Lembah Klang, Selangor	147
6.2	Sokongan Terhadap Program Kerajaan Persekutuan	160
6.3	Sokongan Terhadap Program Kerajaan Negeri Selangor	162





SENARAI SINGKATAN

BA	Barisan Alternatif
BRIM	Bantuan Rakyat 1 Malaysia
BN	Barisan Nasional
BMA	<i>British Military Administration</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
LRT	<i>Light Rail Transit</i>
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
NFC	<i>National Finance Council</i>
PAS	Parti Se-Islam Malaysia
PBS	Parti Bersatu Sabah
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
RM	Ringgit Malaysia
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SUK	Setiausaha Kerajaan
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>
UNKO	<i>United Kadazan National Organisation</i>
USNO	<i>United Sabah Nation Organization</i>
YAB	Yang Amat Berhormat





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Soalan Temu Bual Semi-Struktur
- B Senarai Perundangan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat	
4.1	Senarai Nama dan Tahun Pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor	59
4.2	Kerusi Parlimen yang dimenangi Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Umum 2004 dan 2008	68
4.3	Kerusi Dewan Undangan Negeri yang dimenangi Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Umum 2004 dan 2008	69
4.4	Keputusan kerusi Dun dalam Pilihan Raya Umum	72
4.5	Keputusan PRU-12 Negeri Selangor	73
4.6	Kerusi Parlimen yang dimenangi oleh Parti-Parti Politik Di Selangor	75
4.7	Kerusi DUN yang dimenangi oleh Parti-Parti Politik Di Selangor	77
4.8	Undi Rosak Peringkat Dun Mengikut Negeri Dalam PRU-12	87
5.1	Kronologi Perjanjian Penstrukturkan Semula Air	101
5.2	Artikel 1 dan 5 Perjanjian Penubuhan Perjawatan Malaya	103
5.3	Kronologi ringkas pelantian SUK Selangor	106
6.1	Perlaksanaan MES oleh Kerajaan Pakatan Rakyat yang Telah Berjaya Dilaksana	154
6.2	Kedudukan Kewangan Selangor 2005-2011	157
6.3	Perbezaan Pencapaian antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor	165





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat	
3.1	Aliran Kajian Pengkaji	45
4.1	Pengundi di Selangor Mengikut Kaum, 2008	71
4.2	Keputusan Kerusi Parlimen dan Dun Negeri Selangor PRU-12	74
4.3	Kedudukan Kerusi Parlimen dan DUN Selangor	76
5.1	Pertukaran dokumen MOU antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor	100
5.2	Isu Pelantikan SUK Baru	109
5.3	Lokasi Kecutian Pasir di Selangor	133
6.1	Banjir di Lembah Klang, Selangor	147
6.2	Sokongan Terhadap Program Kerajaan Persekutuan	160
6.3	Sokongan Terhadap Program Kerajaan Negeri Selangor	162





SENARAI SINGKATAN

BA	Barisan Alternatif
BRIM	Bantuan Rakyat 1 Malaysia
BN	Barisan Nasional
BMA	<i>British Military Administration</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
LRT	<i>Light Rail Transit</i>
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
NFC	<i>National Finance Council</i>
PAS	Parti Se-Islam Malaysia
PBS	Parti Bersatu Sabah
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PRU	Pilihan Raya Umum
RM	Ringgit Malaysia
SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SUK	Setiausaha Kerajaan
UMNO	<i>United Malays National Organisation</i>
UNKO	<i>United Kadazan National Organisation</i>
USNO	<i>United Sabah Nation Organization</i>
YAB	Yang Amat Berhormat





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI LAMPIRAN

- A Soalan Temu Bual Semi-Struktur
- B Senarai Perundangan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832

**1.1 Pengenalan**Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kerajaan negeri Selangor mula ditadbir oleh parti yang berbeza aliran politik dengan parti pemerintah diperingkat kerajaan persekutuan selepas pilihan raya umum ke-12 (PRU-12). Peristiwa tersebut pertama kali berlaku pada tahun 2008. Pakatan tidak rasmi antara tiga parti pembangkang – Parti Keadilan Rakyat (PKR), *Democratic Action Party* (DAP) dan Parti Se-Islam Malaysia (PAS) yang menggunakan label ‘Barisan Rakyat’ memenangi 36 daripada jumlah 56 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor untuk menubuhkan kerajaan baharu. Selepas pilihan raya 2008, Barisan Rakyat menukar namanya kepada ‘Pakatan Rakyat’ (Fernando, 2011).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Bagi parti pemerintah diperingkat persekutuan iaitu Barisan Nasional (BN), keputusan PRU-12 di Selangor menunjukkan BN telah mengalami kekalahan dengan hanya mengekalkan 20 kerusi DUN berbanding 51 kerusi pada PRU-11 dan 5 kerusi sahaja yang dimenangi dalam merebut kerusi parlimen. Hal ini menyebabkan parti BN secara tidak langsung menjadi parti pembangkang di negeri Selangor (Laporan Suruhanjaya Pilihan Raya, 2008).

Setelah Pakatan Rakyat menguasai Selangor, Menteri Besar yang baharu dilantik iaitu Abdul Khalid Ibrahim dipilih untuk memimpin kerajaan negeri. Berdasarkan sejarah politik Malaysia terdahulu, kebiasaan negeri yang diwakili oleh parti berlawanan dengan parti memerintah di peringkat persekutuan sering mengalami pengalaman hubungan yang tidak baik antara satu sama lain (Agus, 2002).



dengan kerajaan negeri. Hal ini antaranya disebabkan kerana kesungguhan parti politik yang cuba merebut kepercayaan rakyat bagi mendapatkan kemenangan yang membolehkan mereka berkuasa dalam tumpuk pemerintahan negeri.

Berikutnya hubungan yang tidak harmoni antara kerajaan persekutuan dan negeri, pelbagai isu mulai timbul. Terdapat beberapa isu yang timbul antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri Selangor. Isu yang sering diutarakan sama ada dalam media cetak atau elektronik sepanjang penggal pertama penguasaan Pakatan Rakyat di Selangor ialah kelemahan kerajaan negeri Selangor menangani masalah air, masalah pentadbiran seperti perlantikan Datuk Mohammad Khusrin Munawi serta masalah perlombongan pasir di negeri Selangor (Selangortimes, 2012). Pihak yang menerima kesan daripada isu terbabit tentunya terarah kepada rakyat negeri Selangor.





1.2 Latar Belakang Kajian

Selepas kemasukan negeri Sabah dan Sarawak, Persekutuan Malaysia dibentuk pada 16 September 1963. Negara persekutuan ialah negara yang membahagikan kuasa politik kerajaan pusat dan kerajaan negeri melalui perlembagaan bertulis (Hussein, 1996). Oleh itu, dua peringkat kerajaan iaitu kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri wujud kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem negara persekutuan sejak tahun 1948. Pemimpin politik bagi organisasi pentadbiran dalam kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri dipilih melalui pilihan raya. Hal ini disebabkan Malaysia mendukung sistem demokrasi berparlimen.

Pilihan raya adalah medan rakyat memilih pemimpin yang akan mewakili suara mereka diperingkat persekutuan mahupun di peringkat negeri. Sehingga PRU-^{tbupsi} 12, hampir 60 tahun selepas kemerdekaan kerajaan persekutuan di Malaysia sentiasa dipimpin atau diperintah oleh satu parti politik yang sama iaitu BN. Disebabkan itu, parti politik berlawanan seperti PKR, DAP dan PAS yang mencabar kerajaan BN dalam pilihan raya sinonim digelar dengan gelaran parti politik ‘pembangkang’.

Dengan adanya parti politik pelbagai aliran dan dua peringkat kerajaan, negara persekutuan seperti Malaysia perlu memiliki perlembagaan bertulis yang berfungsi sebagai dokumen yang akan dirujuk dalam mana-mana kes pertikaian antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Perlembagaan Persekutuan ialah dokumen tertinggi di Malaysia yang salah satunya berfungsi sebagai dokumen yang menetapkan dengan tepat dan jelas tentang pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri (Aziz, 2008).





Namun demikian, konsep persekutuan dilihat tidak sentiasa terbukti sebagai sistem yang paling stabil atau berjaya kerana terdapat sejarah lepas yang memaparkan masalah dalam hubungan kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri berlainan politik seperti Sabah, Pulau Pinang dan Kelantan sehingga perlu dibawa ke mahkamah untuk diadili (Aziz, 2008).

Perlembagaan Persekutuan diharap dapat berfungsi secara menyeluruh bagi mengekalkan kestabilan negara dan mengelak perpecahan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri berlaku. Sebagai dokumen tertinggi, kerajaan persekutuan dan negeri perlu menjunjung dan menghormati keluhuran perlembagaan yang telah diperakukan oleh seluruh rakyat Malaysia. Secara kasar, Perlembagaan Persekutuan dilihat memudahkan penubuhan unit politik dan ekonomi berskala besar yang terdiri daripada berbilang bangsa dan kebudayaan di mana negeri-negeri telah diberi jaminan mengekalkan setengah daripada autonominya sendiri.

Namun demikian, pengagihan kuasa dan fungsi antara kerajaan persekutuan dan negeri yang dengan mudah mampu mencetuskan konflik apabila pembahagian kuasa dalam Perlembagaan Persekutuan itu sendiri apabila cirinya berat kepada kerajaan pusat. Perselisihan faham berlaku apabila wujudnya keadaan di mana pembahagian kuasa menjadi tidak sama rata. Merujuk Perlembagaan Persekutuan di Malaysia, jika undang-undang negeri berlawanan dengan undang-undang persekutuan, undang-undang negeri akan terbatal setakat mana ia bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.





Perkara ini telah menjadi punca hubungan tidak baik antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri seperti yang berlaku terhadap negeri yang pernah ditadbir oleh parti politik pembangkang terdahulu seperti Sabah dan Kelantan. Penyelesaian masalah bagi pertikaian antara kerajaan persekutuan dan negeri perlu sentiasa dibawa ke mahkamah untuk diadili sehingga menjasakan hubungan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri terbabit (Aziz, 2008).

1.3 Permasalahan Kajian

Hubungan kurang baik antara kerajaan negeri yang diperintah oleh parti politik berlawanan dengan kerajaan persekutuan boleh dilihat dari tahun 1990. Negeri pertama yang terlibat ialah Kelantan. Peristiwa yang menyebabkan hubungan tidak harmoni antara dua peringkat kerajaan berlaku apabila kerajaan negeri Kelantan dikuasai semula oleh parti PAS. Situasi tersebut kemudian diikuti oleh negeri Sabah, Pulau Pinang, Terengganu, Perak, Kedah dan Selangor (Agus, 2002).

Terdapat kajian yang meninjau hubungan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri yang berbeza parti politik. Sebagai contoh, hubungan kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri Kelantan (Agus, 2002), hubungan kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri Sabah (Chin, 1994) serta hubungan kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri Pulau Pinang (Tan, 1976). Oleh itu, hubungan kerajaan persekutuan dengan negeri Selangor selepas PRU-12 merupakan salah satu penambahan kajian terhadap hubungan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri Selangor yang diperintah parti politik bertentangan dengannya.





Selangor merupakan antara negeri yang paling diberi tumpuan selepas pilihan raya umum PRU-12 kerana kemenangan Pakatan Rakyat terhadap kerajaan negeri tersebut buat pertama kalinya. Hal ini menyebabkan Selangor dipimpin parti politik bertentangan dengan kerajaan persekutuan. Kepimpinan Pakatan Rakyat di Selangor terus berlanjutan apabila berjaya mengekalkan momentum kemenangan pada PRU berikutnya iaitu pada tahun 2013. Terdapat beberapa rencana berkaitan pola pengundian di Selangor serta faktor kemenangan Pakatan Rakyat di Selangor khususnya selepas PRU-12. Namun, kajian khusus terhadap hubungan kerajaan persekutuan dengan negeri Selangor selepas PRU-12 belum pernah dibincangkan.

Kemenangan dalam dua pilihan raya berturut-turut (PRU-12 dan PRU-13) menyebabkan berlaku persaingan antara kerajaan persekutuan dengan negeri Selangor. Sistem demokrasi di Malaysia menetapkan terdapat pilihan raya umum yang dijalankan setiap lima tahun (Mustafa, 2003). Setiap perwakilan perlu bertanding dan ketika pilihan raya rakyat menilai dan memilih pemimpin yang akan memimpin mereka dalam kerajaan. Kemenangan bagi mana-mana parti politik membolehkan calon yang menang mewakili parti politik terbabit menyandang jawatan dalam kepimpinan tertinggi kerajaan. Justeru, persaingan merebut kerusi ini yang menentukan nasib parti sama ada dapat bertahan atau tidak dalam kerajaan.

Tindakan seperti memburukkan dan mencari kelemahan parti politik lawan yang disebarluaskan melalui pelbagai saluran media dilihat sering berlaku sebagai strategi bagi memenangi hati rakyat (Fernando, 2011). Hal ini menyebabkan banyak isu dipaparkan seperti air, kecurian pasir, hal berkaitan masalah pengurusan dan pentadbiran yang secara tidak langsung menjadi cerminan hubungan antara kerajaan





persekutuan dengan negeri Selangor. Faktor yang menyebabkan berlakunya isu dan ketegangan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri tidak pernah terjawab. Kesan dan penerimaan rakyat merupakan salah satu aspek yang perlu dikaji.

Sewajarnya pemimpin setiap kerajaan menghormati keputusan yang dibuat rakyat dengan memikirkan kepentingan rakyat berbanding survival politik masing-masing. Apa yang diharapkan oleh rakyat kebanyakannya ialah kedua belah kerajaan seperti kerajaan negeri Selangor dan kerajaan persekutuan saling bertindak profesional dengan mengenepikan sentimen politik yang meruntuhkan bangsa tetapi lebih bersaing secara sihat dengan mengutamakan kepentingan dan keharmonian rakyat dengan menjalin hubungan baik antara kerajaan dan antara rakyat.



dijaga kerana kunci keharmonian negara seperti Malaysia memerlukan setiap peringkat kerajaan berganding bahu memajukan negara. Pemimpin yang dipilih rakyat sama ada peringkat DUN atau parlimen perlu saling diiktiraf antara peringkat kerajaan kerana pemimpin dipilih rakyat melalui amalan demokrasi sememangnya pemimpin yang dipilih secara sah. Masalah dalam hubungan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri yang ditadbir oleh parti politik yang berbeza adalah salah satu bukti yang menunjukkan kelemahan sistem negara persekutuan. Hubungan yang tidak baik antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri jika dibiarkan lama boleh membawa kepada perpecahan negara.





1.4 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan kajian ialah:

- i. Bagaimanakah hubungan antara kerajaan persekutuan dengan negeri Selangor selepas PRU-12?
- ii. Apakah faktor ketegangan dalam hubungan kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri Selangor selepas PRU-12?
- iii. Sejauh manakah perselisihan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri memberi implikasi kepada rakyat negeri Selangor selepas PRU-12?

1.5 Objektif Kajian



Objektif kajian ialah:

- i. Menganalisis hubungan antara kerajaan persekutuan dengan negeri Selangor selepas kemenangan pembangkang dalam PRU-12.
- ii. Menerangkan faktor ketegangan dalam hubungan kerajaan persekutuan dengan negeri Selangor selepas PRU-12.
- iii. Menghuraikan implikasi perselisihan antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri terhadap rakyat negeri Selangor selepas PRU-12.





1.6 Skop Kajian

Kajian hanya melibatkan kerajaan persekutuan dengan negeri Selangor. Negeri lain yang menjadi rujukan hanya melibatkan negeri yang berpengalaman ditadbir oleh parti politik bertentangan dengan kerajaan persekutuan seperti Kelantan, Terengganu, Perak, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang. Perkara lain yang menjadi fokus kajian ialah tempat atau lokasi. Perbincangan ini hanya menyentuh amalan kerajaan persekutuan di Malaysia, hubungan yang mengkhusus antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri Selangor serta kesan hubungan tidak harmoni antara kerajaan persekutuan dan negeri terhadap rakyat negeri Selangor sahaja.



1.7 Kerangka Konsep



Konsep federalisme digunakan kerana penulisan kajian ini adalah mengenai kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri di Malaysia. Istilah yang dinamakan sebagai federalisme telah wujud sejak zaman Yunani pada abad ketiga belas apabila negara-negara di sekeliling Tamadun Yunani telah bertindak dengan bekerjasama meningkatkan keselamatan secara bersama bagi melindungi serangan dari negara musuh (Riker, 1975).

Selanjutnya pada abad keenam belas federalisme mula dikenali dan berkembang di Eropah. Hal ini boleh berlaku apabila seorang pemikir politik Perancis yang berpengaruh bernama Jean Bodin menjelaskan bahawa sistem pemerintahan terbaik ialah melalui sistem federalisme kerana ia menggalakkan





penyatuan wilayah-wilayah kecil bergabung menjadi sebuah negara yang kuat. Menurut pendapat yang dikemukakan oleh Bodin, sistem federalisme ini memerlukan negara kota menyerahkan kedaulatan wilayah kepada pemerintahan pusat namun ia memberikan kelonggaran kepada wilayah yang terlibat untuk mengekalkan identiti masing-masing (Wheare, 1967).

Sistem pemerintahan jenis ini menjadi lebih berpengaruh apabila Amerika Syarikat yang mula bebas dari pengaruh British pada tahun 1776 memilih sistem federalisme untuk mentadbir negaranya yang luas itu. Menurut Wheare (1967) sistem ini kemudiannya diikuti oleh Kanada (1867), Australia (1901) dan negara-negara lain seperti India (1950), Malaysia (1957) dan Nigeria (1960). Terdapat tokoh lain yang menyentuh istilah federalisme dengan jelas iaitu Elazar. Berdasarkan pendapat yang dikemukakan oleh Elazar (1987) perkataan federal adalah istilah yang diambil daripada bahasa Latin iaitu ‘*foedus*’ yang bermaksud perjanjian rasmi.

Federalisme merupakan satu konsep politik di mana ahli-ahlinya diikat bersama melalui perjanjian rasmi yang dinamakan sebagai perlembagaan. Konsep federalisme boleh diuraikan sebagai sistem kerajaan yang dibentuk berdasarkan daripada peruntukan yang termaktub dalam perlembagaan dengan wujud pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Friedrich (1962) juga mengemukakan definisi federalisme sebagai;





“A number of separate political communities enter into arrangements for working out solutions, adopting, joints policies and making joint decisions on joint problems and conversely, also process by which a unitary political community become differentiated into a federally organized whole”.

Menurut Wheare (1963) prinsip federal ialah “*methods of dividing power so that the general and regional governments are each, within a sphere, co-ordinate and independent.*” Secara ringkasnya menurut Wheare pemerintahan federalisme adalah sistem kerajaan yang membahagikan dua peringkat kerajaan dengan pecahan kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Setiap peringkat kerajaan ini mempunyai bidang kuasa tersendiri yang bersifat setaraf (*co-equal*) dan bebas. Definisi yang dibuat oleh Wheare mempunyai beberapa persamaan dengan definisi bagi istilah federalisme oleh tokoh yang bernama Riker. Menurut Riker (1975) perkataan federal merupakan satu sistem organisasi politik membahagikan aktiviti kerajaan kepada kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Setiap peringkat kerajaan pula mempunyai kuasa dan hak untuk menyatakan pendirian masing-masing dalam membuat keputusan.

Namun begitu, Birch tidak bersetuju terhadap pendapat yang dikemukakan oleh Wheare dan Riker dalam menyatakan maksud dan konsep federalisme. Menurut Birch (1957) menyatakan bahawa sistem federal wujud dalam bentuk pembahagian dua peringkat kuasa iaitu pusat (*general authority*) dengan beberapa kerajaan peringkat negeri (*regional authorities*). Setiap peringkat kerajaan bertanggungjawab terus kepada rakyat yang diperintah menerusi agensi pentadbiran yang telah dibentuk di bawah bidang kuasa mereka.





Selain itu, Birch (1957) juga menegaskan bahawa terdapat tiga perkara penting dalam menyatakan maksud federalisme. Pertama, dalam federal kontemporari, kuasa kerajaan pusat tidak terhad kepada perkara-perkara tertentu sahaja iaitu perkara yang mempunyai limitasi dalam bidang kuasa yang ditentukan hanya untuk kerajaan pusat sahaja. Hal ini bermaksud kerajaan pusat boleh menggunakan kuasa ke atas kerajaan negeri atas nama legislatif.

Kedua, kerajaan negeri tidak bebas daripada kerajaan pusat untuk melaksanakan pentadbiran apabila mereka memperoleh sebahagian besar pendapatan mereka daripada kerajaan pusat. Akhir sekali hakikat yang kebiasaanya berlaku apabila kerajaan persekutuan memberikan jumlah bantuan kepada negeri miskin tetapi pemberian tidak seimbang yang hanya menunjukkan kerajaan pusat memenuhi



Dalam membincangkan cara memupuk kerjasama kerajaan persekutuan-negeri, Birch (1957) menyatakan terdapat lima cara agar Perlembagaan Persekutuan boleh membuat peruntukan untuk membina kerjasama erat di peringkat pusat dan negeri mengikut takrif klasik federalisme. Pertama, Perlembagaan Persekutuan boleh menyediakan serentak senarai kuasa yang banyak. Kedua, memberi dua atau lebih kuasa kepada kerajaan negeri dalam parlimen persekutuan. Ketiga, parlimen persekutuan sentiasa mempertimbang untuk meluluskan permohonan undang-undang mengenai perkara-perkara yang dikhaskan kepada negeri-negeri. Dengan syarat ia diluluskan oleh majoriti berkelayakan yang ditetapkan dalam badan perundangan khas untuk mewakili kepentingan kerajaan.





Keempat, kerajaan persekutuan boleh diberi kuasa untuk mengarahkan kerajaan negeri untuk membina atau mengekalkan apa-apa cara komunikasi yang diisyiharkan menjadi kepentingan negara atau tentera (dengan kos perlaksanaan biasanya dibayar oleh kerajaan persekutuan). Manakala yang kelima, perlembagaan boleh memberikan peruntukan dalam hal berkaitan kewangan bagi perjanjian kerjasama yang baik antara kerajaan pusat dan negeri.

Pendekatan Birch (1957) mementingkan kedudukan kerajaan di kedua-dua peringkat. Pandangan Vile (1961) mendapati bahawa dalam amalan federalisme yang sebenar, status dan kuasa antara kerajaan persekutuan dan negeri boleh menjadi sukar untuk direalisasikan secara telus dan berkesan. Status kesaksamaan atau adil dalam pembahagian kuasa boleh dipertahankan dari segi undang-undang, tetapi adalah



Menurut Evans (2010), dominasi kerajaan persekutuan terhadap banyak perkara dalam pentadbiran negara menyebabkan kerajaan di bawahnya sama ada di peringkat negeri atau peringkat kerajaan tempatan perlu sentiasa tunduk terhadap kerajaan pusat yang merujuk kepada kepimpinan tertinggi. Tidak ada kebebasan penuh diperolehi kerajaan negeri dalam menjalankan pentadbiran sungguhpun ia telah ditetapkan di bawah bidang kuasanya. Perkara ini boleh dilihat dalam aspek pembahagian perolehan atau sumber daripada kerajaan pusat kepada kerajaan negeri. Kerajaan persekutuan mempunyai tanggungjawab untuk memberi bantuan kewangan kepada kerajaan negeri namun bantuan yang diberikan selalunya dalam jumlah yang tidak seimbang terutama bagi negeri yang dipimpin oleh parti pembangkang.





Sumber bantuan yang disalurkan oleh kerajaan persekutuan hanya sekadar bagi membuktikan bahawa pihak kerajaan persekutuan telah menjalankan tanggungjawab yang sepatutnya dilakukan mengikut piawai kebangsaan. Akhirnya ia boleh menjurus kepada pemusatan satu kuasa besar dalam pentadbiran sistem federalisme. Perkara seumpama ini membuktikan terdapat salah fahaman terhadap istilah sebenar federalisme. Pembahagian peringkat kerajaan menyebabkan wujud persaingan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri khususnya negeri pimpinan pembangkang. Hal ini mendorong kepada hubungan yang kurang mesra antara kerajaan. Sewajarnya, semangat negara persekutuan dalam sistem ini dijadikan sebagai pendorong untuk setiap pemimpin yang memimpin kerajaan mengukuhkan kualiti pentadbiran di setiap peringkat demi kemakmuran rakyat.



sebuah sistem federal iaitu pembahagian sistem politik yang terbahagi kepada dua sub sistem iaitu kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri ini akan saling berinteraksi sama ada secara bekerjasama atau secara bersaing antara satu sama lain. Federalisme menurut Watts juga dilihat sebagai sebuah sistem kerajaan yang agak rumit dan kompleks kerana terdapat kerjasama yang perlu dilakukan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran, perundangan serta aturan kewangan.

Secara keseluruhannya, ciri-ciri penting sesebuah negara persekutuan (federalisme) ialah terdapatnya pembahagian kuasa, pemisahan kerajaan, perlombagaan bertulis serta badan kehakiman yang bebas. Namun, perlombagaan persekutuan secara bertulis dianggap sebagai ciri terpenting bagi sesebuah negara





persekutuan kerana ia menetapkan pembahagian kuasa dan autoriti antara pihak berkuasa persekutuan serta negeri. Melalui perlumbagaan bertulis itu juga dinyatakan mekanisme bagaimana pertikaian itu dapat diselesaikan.

Selain itu, pengkaji tempatan iaitu Agus (2002) yang menjelaskan ciri-ciri sebuah negara persekutuan iaitu telah menyenaraikan empat ciri penting dalam mengenal pasti istilah persekutuan iaitu;

- i. Mempunyai dua bentuk kerajaan yang memerintah negara dan rakyat yang sama dan setiap kerajaan pula mempunyai satu daerah di mana mereka mempunyai kuasa dan kekuasaan yang diperolehi itu adalah terjamin.
- ii. Negara federalisme ini lahir atas keinginan negeri-negeri untuk bersatu di bawah satu perikatan. Setiap negeri yang bergabung boleh mengekalkan terus identiti kaum dan kewilayahannya mereka. Ini secara tidak langsung dapat menyelesaikan konflik kepentingan berlandaskan perkauman kedaerahan.
- iii. Negeri-negeri yang membentuk persekutuan ini bersedia untuk mengorbankan kedaulatan mereka. Apabila persekutuan dibentuk, ia menjadi sebuah negara yang berdaulat.
- iv. Negara federalisme bukan terdiri dengan sendiri, tetapi adalah dibentuk.

Amerika Syarikat adalah antara contoh negara yang memilih sistem federalisme kerana pada asalnya negeri-negerinya terdiri daripada negeri-negeri berdaulat selepas bebas dari penjajah yang berbeza. Mereka sanggup bersatu tetapi masih belum mahu melepaskan kuasa dalam negeri masing-masing. Maka, federalisme menjadi pilihan terbaik. Isu yang hampir sama berlaku di India. Situasi di Malaysia adalah berbeza. Melalui gagasan Malayan Union, British pernah mencadangkan negara unitari untuk Tanah Melayu. Di bawah sistem ini, pemerintah Melayu (sultan) dilucutkan kuasanya kecuali perkara berkenaan nominal. Rakyat Tanah Melayu menolak cadangan bentuk unitari ini kerana ia menjelaskan kuasa,





keistimewaan dan kedudukan raja-raja Melayu serta menolak cadangan kewarganegaraan. Atas desakan kuat orang-orang Melayu, cadangan British ini dibatalkan.

Persekutuan Tanah Melayu adalah sebuah negara berbentuk persekutuan yang mengaplikasi sistem federalisme dalam pentadbiran. Sistem ini telah dikemukakan oleh pihak British selepas pembatalan Malayan Union. Persekutuan Tanah Melayu wujud pada tahun 1948 apabila 9 buah negeri Melayu telah bersetuju untuk bergabung dengan 2 buah negeri Selat dalam satu pentadbiran politik. Seterusnya apabila Sabah, Sarawak dan Singapura menyertai pembentukan Malaysia, Persekutuan Malaysia terbentuk pada 16 September 1963 menggantikan Persekutuan Tanah Melayu.



mempunyai bidang kuasa masing-masing, maka perlembagaan bertulis merupakan dokumen penting dalam menentukan pembahagian kuasa antara kerajaan agar tidak berlaku isu monopoli kuasa oleh mana-mana peringkat kerajaan khususnya kerajaan tertinggi dalam sistem persekutuan. Pendekatan ini juga dapat mengelakkan berlakunya penindasan kuasa antara satu sama lain. Perubahan dalam perlembagaan yang merupakan dokumen tertinggi pula perlu melalui peringkat pindaan sebelum melalui sebarang perubahan dengan syarat mendapat jumlah sokongan tertentu dari ahli dewan.





Perlembagaan Persekutuan (Perlembagaan Malaysia) merupakan undang-undang bertulis yang tertinggi di Malaysia. Dalam sesebuah negara yang mengamalkan sistem federalisme, kuasa bagi kerajaan negeri dijamin oleh perlembagaan dan tidak boleh ditarik balik oleh kerajaan pusat. Negara yang mengamalkan sistem persekutuan menjadikan perlembagaan sebagai dokumen yang akan dirujuk dalam mana-mana kes pertikaian. Ia tidak boleh diubah, bersifat tertinggi, ideal serta perlu menentukan dengan tepat dan jelas tentang pembahagian kuasa antara pihak berkuasa persekutuan dan negeri.

Di Malaysia, kuasa antara kerajaan persekutuan dan negeri jelas dipisahkan melalui Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dengan menetapkan senarai perundangan bagi kerajaan Persekutuan pada senarai I, negeri pada senarai II, senarai bersama bagi senarai III dan senarai IIIA bagi tambahan kepada senarai negeri bagi negeri Sabah dan Sarawak. Dengan pembahagian kuasa ini, pihak pusat dan negeri mempunyai kuasa tersendiri dan federalisme dilihat adil sebagai satu penyelesaian terbaik bagi membentuk sebuah negara baru. Ia telah memudahkan kemungkinan penubuhan unit politik dan ekonomi berskala besar yang terdiri daripada berbilang bangsa dan kebudayaan apabila kumpulan kecil telah diberi jaminan mengekalkan setengah daripada autonominya.

Walau bagaimanapun, sistem politik persekutuan yang ditubuhkan di negara yang sedang membangun tidak sentiasa terbukti sebagai sistem yang stabil atau berjaya. Sesetengah daripadanya telah terpecah belah serta wujud sebahagiannya bertukar menjadi politik satuan seperti negara Indonesia. Penyelesaian secara persekutuan ini tidak sentiasa diterima sebagai satu penyelesaian yang baik. Pihak





yang merangka perlembagaan tidak sentiasa dapat mengesan masalah perlembagaan yang akan timbul dalam aliran sejarah. Kuasa baru sentiasa muncul dalam bidang politik, ekonomi dan sosial yang perlu diadaptasikan (disesuaikan) oleh jentera pentadbir.

Pendorong utama sistem federalism di Malaysia adalah demi menjaga kedudukan dan keistimewaan raja-raja Melayu. Ini terbukti di dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kedudukan raja-raja Melayu dan menjamin Perlembagaan negeri-negeri. Majlis raja-raja ditubuhkan dan diberi beberapa peranan untuk tujuan ini. Natijah daripada faktor inilah juga maka kerajaan negeri diberikan kuasa yang mempunyai kaitan langsung dan sentimental dengan raja-raja Melayu iaitu soal agama dan tanah.



Dari semasa ke semasa, pihak berkuasa perlu bersedia meramalkan pengagihan kuasa dan fungsi antara kerajaan pusat dan negeri dengan mudah mampu mencetuskan pertelingkahan. Perselisihan faham juga boleh berlaku apabila wujudnya keadaan apabila kuasa antara kerajaan tersebut bertindih. Oleh itu, perlembagaan persekutuan lazimnya menyediakan rujukan bagi sesebuah negara mendapatkan keputusan berhubung konflik yang berlaku.

Sungguhpun sistem federalisme dilihat paling ideal dilaksanakan bagi sebuah negara yang menggabungkan kuasa negeri-negeri, beberapa pemerhati telah bertindak menafikan kewujudan '*real federalism*' di negara seperti Malaysia. Menurut Ooi (2011) sistem federalisme atau negara bentuk persekutuan yang menjadi amalan Malaysia sekian lama sebenarnya telah bertindak melemahkan demokrasi di peringkat





institusi bawahan dan menghakis kuasa negeri-negeri. Hal ini secara tidak langsung telah melumpuhkan keterbukaan terhadap perbincangan awam dengan mewujudkan satu bentuk urus tadbir yang bersifat terlalu bergantung, hubungan berunsur peribadi dan mempunyai kepentingan terhadap kelompok yang lebih berkuasa.

Malaysia juga disifatkan sebagai sebuah negara federalisme, namun hakikatnya bukanlah negara yang dikategorikan sebagai negara yang mengamalkan ‘*real federalisme*’ tetapi lebih tepat dikategorikan sebagai sebuah negara yang bersifat ‘quasi-federal’. Kenyataan ini menurut Wheare (1963): “*Federal government is not always and everywhere good government. It is only at the most a means to good government, not a good in itself.*” Hal ini bermaksud kerajaan persekutuan tidak semestinya bertindak sebagai kerajaan yang sentiasa terbaik.



Kerajaan yang berkesan dalam kepimpinan adalah bergantung kepada sesebuah negara mempraktikkan tatacara yang boleh memberi makna yang baik kepada kerajaan. Apabila terdapat pihak yang menganggap mereka lebih superior dan tidak bersedia untuk bertolak ansur dan berkompromi, maka pelanggaran prinsip yang mendukung ciri-ciri persekutuan ini boleh berlaku.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberikan gambaran tentang hubungan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri yang diperintah parti pembangkang iaitu negeri Selangor. Pengkaji akan menyatakan faktor yang mempengaruhi hubungan antara kerajaan





persekutuan dengan negeri Selangor selepas PRU-12 selain mengambil kira pendapat awam tentang implikasi hubungan antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat. Oleh itu, langkah yang proaktif boleh difikirkan untuk dilaksanakan dalam menangani masalah yang terlibat.

Terdapat juga maklumat berkenaan isu tidak sependapat antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri Selangor. Oleh itu beberapa aspek kajian berkaitan turut terlibat dalam penulisan seperti hal berkaitan pilihan raya, federalisme atau konsep persekutuan dan peruntukan perlombagaan. Setiap isu yang diketengahkan menunjukkan peranan Perlembagaan Persekutuan dan konsep federalisme yang perlu diketahui dan dihormati oleh setiap pihak bagi mengelakkan permasalahan dalam hubungan antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat.



Selain itu, kajian ini juga diharap dapat menimbulkan kesedaran bahawa toleransi antara kerajaan, pemimpin dan pemahaman rakyat adalah mustahak kepada perjalanan sebuah negara persekutuan seperti Malaysia. Setiap pihak perlu bijak menangani masalah yang berlaku dan bersikap peka dengan persekitaran politik. Hasil dapatan kajian ini juga membolehkan pihak terlibat mempertimbangkan untuk mengambil kira dapatan kajian ini ketika menerangkan dan melaksanakan polisi pembangunan dan sosio-politik di kawasan setempat agar tidak wujud masalah antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri yang boleh mendatangkan impak buruk kepada rakyat.





1.9 Definisi Operasional

Tajuk bagi kajian yang dilakukan ialah ‘Hubungan Kerajaan Persekutuan Dengan Kerajaan Negeri Selangor Selepas Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-12’. Oleh itu berikut merupakan definisi operasional mengikut konteks kajian (Hussein, 1996):

Hubungan: Persoalan kuasa yang membezakan di antara penganalisaan politik dengan penganalisaan disiplin-disiplin lain dalam kajian masyarakat.

Kerajaan Persekutuan: Rangkaian institusi-institusi yang mentadbirkan negara. Ia sebahagian daripada negara, ia lebih merupakan alat atau jentera negara yang antara fungsinya ialah untuk mencapai matlamat, dasar dan cita-citanya.



Kerajaan Negeri: Rangkaian institusi-institusi yang mentadbirkan negeri. Ia sebahagian daripada negeri, ia lebih merupakan alat atau jentera negeri yang antara fungsinya ialah untuk mencapai matlamat, dasar dan cita-citanya.

Pilihan Raya: Proses dimana mereka yang diperintah itu menentukan, melalui cara-cara pemilihan tertentu, wakil-wakil yang kepadanya diserahkan mandat untuk membuat keputusan, dasar dan undang-undang masyarakat.





1.10 Organisasi Bab

Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan penulisan kepada tujuh bab. Bab pertama memaparkan pendahuluan kajian yang terdiri daripada latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kerangka konsep, kepentingan kajian, definisi operasional, organisasi bab dan rumusan.

Dalam bab kedua, pengkaji menulis ulasan kajian literatur mengenai hubungan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Pada penghujung bab diakhiri dengan rumusan. Seterusnya dalam bab ketiga, pengkaji akan menulis metodologi penyelidikan yang merangkumi reka bentuk kajian, lokasi kajian, kaedah pengumpulan data, kaedah mengurus data, kaedah menganalisis data, pertimbangan



Selanjutnya dalam bab keempat, dinyatakan secara ringkas latar belakang negeri Selangor, latar belakang politik negeri Selangor, perkembangan parti berlawanan dengan kerajaan memerintah (di peringkat persekutuan) di negeri Selangor serta keputusan PRU-12 negeri Selangor.

Dalam bab kelima pula memaparkan isu yang mencerminkan hubungan kerajaan pusat dengan kerajaan negeri yang merangkumi isu air, isu pentadbiran awam negeri dan isu kecurian pasir yang pernah menjadi tumpuan media. Seterusnya dalam bab ini juga terdapat faktor ketegangan antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri.





Seterusnya dalam bab keenam akan menghuraikan tentang kesan hubungan tidak harmoni antara kerajaan persekutuan dengan kerajaan negeri. Kesan akan dikaji dalam aspek yang positif serta aspek negatif hasil hubungan dingin antara kerajaan serta reaksi masyarakat negeri Selangor terhadap implikasi tersebut.

Dalam bab terakhir iaitu bab tujuh, pengkaji akan membuat kesimpulan berdasarkan setiap bab. Langkah penyelesaian dan cadangan turut dinyatakan dalam bab terakhir ini.

1.11 Rumusan

Bab pendahuluan telah menghuraikan dengan jelas struktur kajian yang dilakukan dengan bermula pengenalan ringkas, latar belakang kajian, rasional kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, penetapan objektif kajian, skop kajian, kerangka teori, kepentingan kajian serta organisasi bab yang memaparkan jumlah bab dalam keseluruhan kajian. Bab satu menjadi rujukan bagi pengkaji menyiapkan seluruh struktur kajian bagi memastikan perbincangan secara berfokus dapat dilaksanakan dalam bab yang seterusnya.

